

CABARAN POLIS DAN TENTERA MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

(Challenges of Police and Army Personnel in Responding to The Covid-19 Pandemic)

Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad*

ABSTRAK

Perintah kawalan pergerakan telah dilaksanakan sebagai respon memutuskan rantaian penularan pandemik Covid-19. Polis Diraja Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasa perintah kawalan pergerakan dengan melaksana sekatan jalan raya dan pemantauan pematuhan prosedur operasi standard. Kesukaran untuk mengawal situasi ini, anggota Angkatan Tentera Malaysia turut dikerah untuk membantu pihak polis menguatkuasa perintah kawalan pergerakan. Kajian ini bertujuan meneroka cabaran yang dihadapi oleh pihak polis dan tentera dalam menjalankan tugas sepanjang tempoh kawalan pergerakan dikuatkuasakan di Malaysia. Kaedah kualitatif menerusi temubual mendalam telah dilaksanakan keatas 10 informan termasuklah lima anggota Polis Diraja Malaysia dan lima anggota Angkatan Tentera Malaysia. Hasil kajian mengenalpasti sekurang-kurangnya lima tema cabaran yang dihadapi sewaktu menguatkuasa perintah kawalan iaitu kekangan logistik, beban tugas, sikap orang awam, isu kesejahteraan emosi dan isu peribadi. Kelima-lima cabaran ini telah menghalang kelancaran pelaksanaan tugas, sekaligus menyumbang kepada masalah tekanan anggota polis dan tentera yang bertugas sepanjang tempoh pandemik Covid-19. Kajian ini menekankan kepentingan agensi penguatkuasaan untuk mengambil tindakan dan memainkan peranan dalam meminumkan masalah atau cabaran tersebut. Kajian ini mencadangkan bahawa kepimpinan yang berkesan dapat mengurangkan risiko tekanan dan meningkatkan prestasi kerja dalam kalangan anggota. Hasil kajian memberi implikasi keatas penguatkuasaan efektif pasukan keselamatan dalam melaksana tanggungjawab melindungi keselamatan awam dan menjaga keamanan negara sewaktu tempoh pandemik.

Kata kunci: pandemik Covid-19, perintah kawalan pergerakan, pegawai polis, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia.

ABSTRACT

Movement control order has been imposed in response to contain the spread of Covid-19. Royal Malaysia Police is responsible to enforce the movement control order by setting up road barricades and monitoring standard operation procedure. The difficulties to control this situation, Malaysian Armed Forces personnel are involved in assisting police to enforce movement control order. This study aims to explore challenges faced by police and army personnel in carrying out their duties during the period of movement control order enforced in Malaysia. By adopting qualitative methodology, in-depth interviews were conducted with 10 informants, comprising five personnel of the Royal Malaysia Police and five personnel of the Malaysian Armed Forces. The results of the study identified at least five themes of challenges

faced by police and army personnel while enforcing movement control order, including logistical constraints, workload, public attitudes, emotional well-being and personal issues. These five challenges have hindered the smooth execution of duties, thus contributing to the stress problem among police and army personnel on duty during the Covid-19 pandemic. This study emphasizes the importance of enforcement agency to take action and play a role in addressing the problems or challenges. This study suggests that effective leadership can reduce the risk of stress and improve job performance among personnel. The results of the study have implications for the effective enforcement of security forces in carrying out their responsibilities to protect public safety and to maintain national security during pandemic.

Keywords: Covid-19 pandemic, movement control order, police officers, Royal Malaysia Police, Malaysian Armed Forces.

PENGENALAN

Wabak Covid-19 mula dikenalpasti di daerah Hubei, China pada Disember 2019 dan telah menjadi pandemik yang menular secara berlanjutan ke 224 buah negara di seluruh dunia (WHO, 2021). Sehingga April 2021, seluruh dunia mencatatkan sebanyak 148 juta kes positif Covid 19 dengan melebihi 3 juta kematian (WHO, 2021). Sebagai respon menangani pandemik yang menjejaskan kesihatan global secara menyeluruh, Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) menasihati semua negara yang terjejas untuk melaksana lockdown atau sekatan pergerakan. Sekurang-kurangnya 50 buah negara seluruh dunia melaksanakan perintah kawalan pergerakan sama ada secara menyeluruh atau sebahagian (WHO, 2021), termasuklah Malaysia. Malaysia mencatat 405 ribu kes positif Covid-19 dengan 376 juta individu pulih dan 1,492 kematian sehingga 29 April 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Berikutan peningkatan kes positif yang tidak terkawal, kawalan pergerakan terus dilaksanakan di Malaysia yang pada mulanya dilaksana sekitar Mac 2020. Sehingga kini, terdapat beberapa peringkat pelaksanaan kawalan pergerakan yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPD). Setiap peringkat kawalan pergerakan mempunyai prosedur operasi standard tertentu yang telah ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakkan fizikal, penutupan sementara perniagaan dan sekatan rentas daerah atau negeri. Bagi melaksanakan perintah kawalan pergerakan tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit untuk mengawal pergerakan orang awam di seluruh negara (Akta 342). Pelaksanaan kawalan ini termasuklah tugas melaksana rondaan dan pemantauan di kawasan perumahan dan premis perniagaan, serta sekatan jalan raya di lokasi-lokasi yang ditetapkan, terutama di laluan keluar masuk antara daerah dan negeri. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut dikerah untuk bersama-sama membantu pihak polis dalam usaha mengawal pergerakan orang awam. Walaubagaimanapun, sikap sesetengah orang awam yang tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah kawalan pergerakan, menyulitkan lagi pelaksanaan kawalan pergerakan.

Sehingga April 2021, jumlah mereka yang ditahan atas kesalahan ingkar arahan perintah kawalan pergerakan masih tinggi dan ini menunjukkan masih ramai orang awam yang mengambil mudah wabak Covid-19. Antara kesalahan ingkar arahan termasuk pengoperasian aktiviti pusat hiburan, pengoperasian perniagaan melebihi tempoh waktu yang ditetapkan, tidak memakai pelitup muka, gagal mematuhi penjarakkan fizikal, gagal menyediakan peralatan

merekod butiran pelanggan, rentas daerah/negeri tanpa kebenaran dan memasuki kawasan PKPD tanpa kebenaran. Kesalahan ingkar kawalan pergerakan ini menyebabkan wabak Covid-19 merebak pantas setiap hari. Malaysia mencatatkan jumlah positif Covid-19 paling tinggi iaitu 5728 kes sehari pada 30 Januari 2021, dan bermula 1 April 2021 direkodkan sekurang-kurangnya lebih daripada 1,200 individu disahkan positif Covid-19 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Langkah paling asas untuk mengurangkan penyebaran penularan wabak ini adalah dengan melaksana kawalan pergerakan iaitu dengan menyekat rentas negeri, menggalakkan orang awam untuk duduk di rumah dan hanya keluar bila perlu, serta mewajibkan orang awam untuk mempraktis kebersihan diri dan menjaga penjarakkan fizikal. Beberapa kajian membuktikan bahawa sekatan atau kawalan pergerakan merupakan langkah efektif mengekang penularan wabak Covid-19 (Atalan, 2020; Verma et al., 2020). Namun, sesetengah orang awam mengambil mudah perkara ini dan ingkar perintah kawalan pergerakan.

Tugas dan peranan anggota polis dan tentera, serta agensi penguatkuasa yang terlibat dalam mengawal pergerakan orang awam semasa tempoh pandemik berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran yang dihadapi semasa tempoh ini bukan hanya tertumpu untuk mengawal pergerakan dan memelihara keselamatan orang awam, tetapi risiko kesihatan yang terjejas, masalah kesihatan mental, isu keganasan dan sokongan moral dalam kalangan pegawai dan anggota. Pegawai yang dilantik untuk memimpin misi ini turut berhadapan dengan cabaran seperti pengukuhan pasukan keselamatan itu sendiri dalam aspek pengagihan beban tugas kepada anggota dan kebajikan mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pegawai dan anggota polis dan tentera dalam melaksana perintah kawalan pergerakan sepanjang tempoh pandemik Covid-19. Kajian ini adalah yang pertama meneroka cabaran agensi penguatkuasa sebagai barisan hadapan dalam mendepani wabak Covid-19 di Malaysia. Penerokaan ini memberi implikasi kepada penambahbaikan perancangan dan pelaksanaan penguatkuasaan dalam tempoh kecemasan atau darurat.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Dalam konteks kajian ini, cabaran merujuk kepada halangan atau masalah yang mencakupi aspek fizikal, psikologi dan sosial sewaktu menjalankan tugas sepanjang tempoh pandemik Covid-19. Pegawai dan anggota polis serta tentera berhadapan dengan pelbagai cabaran unik yang memberi kesan secara langsung kepada kesihatan dan kesejahteraan mereka. Pegawai dan anggota polis terutamanya berhadapan dengan pelbagai aspek tekanan yang terkait dengan pengurusan, pengoperasian, hubungan komuniti dan masalah peribadi. Tempoh pandemik ini pihak berkuasa berhadapan dengan pertambahan tugas dan tempoh masa bertugas, disamping mengalami kerisauan melampau dijangkiti wabak Covid-19. Majoriti pegawai dan anggota masih kekal menjalankan tugas hakiki, namun turut diarah untuk terlibat dengan pengoperasian kawalan pergerakan. Keadaan ini menyumbang kepada masalah psikologi pihak berkuasa yang menjadi salah satu cabaran terbesar bagi mereka. Dalam tempoh pandemik, kajian saintifik membuktikan bahawa ramai pegawai dan anggota polis mengalami ketidakstabilan emosi dan tekanan melampau (Tuttle, Blumberg & Papazoglou, 2019; Stogner, Miller & McLean, 2020). Malah, dibuktikan bahawa pihak berkuasa berisiko mengalami masalah mental berbanding orang awam kerana tuntutan kerja yang sering berhadapan dengan pelbagai risiko dan situasi yang tidak dijangka (Stogner et al., 2020). Segelintir mereka mempunyai daya tindak yang lemah dan cenderung untuk kemurungan, mempunyai konflik keluarga, atau terlibat dengan penyalahgunaan alkohol (Mayshak et al., 2020). Kajian terdahulu turut mendapati bahawa

kekangan sokongan sosial sama ada dari dalaman atau luaran akan mengakibatkan tekanan yang lebih tinggi kepada pihak berkuasa dalam tempoh bencana atau darurat (Adams, Anderson, Turner & Armstrong, 2011). Sokongan sosial yang lemah dari rakan sekerja dan pegawai atasan akan menyebabkan peningkatan tekanan dan trauma. Namun, sokongan dan komunikasi positif dengan ahli keluarga didapati mampu mengurangkan tekanan semasa tempoh bencana (Adams et al., 2011).

Cabaran besar yang turut dihadapi oleh pihak berkuasa adalah untuk mengekalkan hubungan positif dengan orang awam. Situasi kecemasan seperti pandemik boleh memberi kesan yang signifikan terhadap hubungan polis-komuniti dan kepercayaan masyarakat terhadap polis (Jones, 2020). Walaupun tindak balas polis dan tentera berkesan mengekang penularan pandemik Covid-19 dan berjaya memastikan keselamatan orang awam, namun sekatan yang dilakukan merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap pihak polis terutamanya. Beberapa kajian saintifik membuktikan perkara ini dengan membincangkan bagaimana tempoh bencana dan kecemasan boleh mempengaruhi hubungan polis-komuniti. Peraturan dan batasan baru memberikan tekanan kepada orang awam. Memandangkan tugas-tugas sekatan dan kawalan pergerakan dilaksanakan oleh pihak berkuasa, justeru orang awam melepaskan ketidakpuasan kepada pihak berkuasa (Stogner et al., 2020). Selain itu, ada segelintir pihak berkuasa bertindak agresif terhadap orang awam berikutan tekanan yang dihadapi dan kedegilan mereka dengan sengaja tidak mematuhi perintah kawalan atau sengaja melanggar arahan (Tuttle et al., 2019).

Kajian-kajian lepas turut membuktikan masalah keperluan fizikal sebagai cabaran mendepani tempoh darurat (Laufs & Waseem, 2020). Sumber atau kemudahan fizikal adalah sangat penting untuk pihak berkuasa menjalankan operasi. Sebagai contoh, dalam tempoh pandemik peralatan pelindung diri (PPE) seperti pelitup muka atau sarung tangan, misalnya, boleh menimbulkan masalah serius bagi agensi penguatkuasaan undang-undang (Luna, Brito & Sanberg, 2007). Sebagai barisan hadapan, polis dan tentera terpaksa bertugas dan berhadapan dengan orang awam, justeru memerlukan PPE untuk mencegah risiko dijangkiti wabak Covid-19. Cowan dan Davis (2010) menegaskan bahawa kelengkapan perlindungan yang tidak cukup menyebabkan polis dan tentera yang bertugas mengawal keselamatan orang awam berisiko tinggi untuk dijangkiti. Jabatan atau organisasi memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan peralatan perlindungan yang cukup bagi pegawai dan anggota yang bertugas. Demikian, perancangan dan persiapan sebelum kecemasan harus merangkumi perkara-perkara seperti pembentukan protokol kecemasan yang rapi dan juga perolehan peralatan fizikal yang mencukupi apabila berlaku kecemasan. Di samping itu, organisasi perlu memastikan bekalan peralatan sentiasa mencukupi dan perlu membuat penambahan stok secara berperingkat.

Cabaran lain yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam menjalankan tugas tempoh pandemik ini adalah apabila mereka terpaksa memainkan pelbagai peranan. Hal ini mungkin disebabkan penambahan tugas, penambahan tempoh masa bertugas dan keutamaan menjalankan tugas hakiki. Pegawai polis yang terlibat dengan siasatan kes tertentu sebelum wabak terpaksa menangguhkan penyiasatan yang bermula sebelum atau semasa wabak. Maka, siasatan mungkin tertangguh dan ini meningkatkan tekanan dan menambahkan beban kerja. Dalam tempoh pandemik, jenayah tidak terhenti. Pegawai dan anggota polis turut terlibat dengan tugas-tugas menangani jenayah. Besar kemungkinan jenayah meningkat berikutan ramai yang kehilangan pekerjaan tempoh pandemik Covid-19 (Mohler et al., 2020). Jenayah siber juga lebih rancak kerana masa yang dihabiskan untuk melayari internet lebih lama berikutan perintah kuarantin di rumah (Walton & Falkner, 2020). Demikian, adalah menjadi

tanggungjawab pihak berkuasa untuk mengawal dan menangani ancaman jenayah yang berlaku dalam komuniti. Satu kajian di China menunjukkan bahawa pihak polis menerima panggilan kecemasan yang tinggi sewaktu tempoh pandemik (Dai, Xia & Han, 2021). Walaupun terdapat penurunan panggilan kecemasan bagi kes-kes kesalahan jenayah jalanan dan lalu lintas, namun berlaku peningkatan besar dalam panggilan yang berkait dengan kes-kes keganasan rumah tangga dan keamanan awam (Dai et al., 2021). Perubahan corak jenayah dan peningkatan panggilan sewaktu tempoh pandemik merupakan satu cabaran kepada pegawai polis.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam mendepani Covid-19 atau bencana secara umumnya, termasuklah cabaran kesihatan mental, hubungan polis-komuniti, keperluan fizikal, dan peranan polis yang pelbagai. Kejayaan sesebuah negara membendung wabak Covid-19 adalah hasil usaha secara kolektif. Pegawai dan pekerja kesihatan memainkan peranan utama dalam memberikan rawatan kepada individu yang dijangkiti, disamping menasihati kerajaan serta mendidik orang awam berkaitan langkah-langkah pencegahan wabak Covid-19. Manakala, pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain turut memainkan peranan penting dalam usaha mengawal penularan wabak Covid-19 dengan memantau pematuhan prosedur operasi standard dan mengawal sekatan pergerakan orang awam. Namun, tugas-tugas memantau dan mengawal pergerakan orang awam dalam usaha mengawal penularan Covid-19 adalah sedikit mencabar. Kajian ini meneroka cabaran pegawai dan anggota polis dan tentera mendepani pandemik Covid-19. Sebagai respon kepada pandemik Covid-19, kajian ini merupakan antara kajian pertama yang dilaksanakan di Malaysia memfokus kepada pasukan polis dan tentera sebagai barisan hadapan. Pendekatan kualitatif telah digunakan untuk meneroka beberapa persoalan kajian yang telah digariskan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik temubual mendalam. Dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan, 10 informan iaitu lima pegawai dan anggota dari Polis Diraja Malaysia dan lima anggota dari Angkatan Tentera Malaysia telah dipilih. Seramai lapan informan adalah lelaki dan dua informan adalah wanita berusia diantara 27 hingga 55 tahun, termasuklah empat pegawai dan enam anggota. Kesemua informan melaporkan tugas sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan samada menjalankan operasi sekatan jalan raya atau rondaan dan pemantauan kawasan perumahan, premis perniagaan dan kawasan rekreasi.

Kajian ini telah mendapatkan kebenaran rasmi daripada Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Kajian dilaksana di sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Kuala Lumpur dan di sebuah Kem Tentera di Selangor. Penyelidik melaksanakan pengumpulan data di lokasi kajian secara berasingan, bermula di IPD dan diikuti dengan Kem Tentera. Penyelidik menemui informan secara individu mengikut kesesuaian masa mereka dan temubual berlanjutan sekitar 60 hingga 90 minit. Sebelum ditemubual, penyelidik memaklumkan kepada informan tentang maklumat kajian dan meminta informan untuk menandatangani borang persetujuan penyertaan. Penyertaan informan adalah secara sukarela dan tiada paksaan, dan segala maklumat peribadi informan dirahsiakan. Kaedah analisis tematik telah digunakan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pegawai dan anggota yang bertugas. Menerusi kaedah analisis ini, penyelidik mengenalpasti tema-tema bagi tiap-tiap transkripsi temubual informan.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah tematik telah digunakan untuk menganalisis data kualitatif hasil temubual mendalam kepada 10 informan. Analisis memfokus kepada cabaran yang dihadapi oleh pegawai dan anggota polis dan tentera menguatkuasa perintah kawalan pergerakan tempoh pandemik Covid-19. Informan menggariskan beberapa konsep dan kefahaman tentang cabaran, termasuklah halangan, masalah atau keadaan yang menyekat kelancaran operasi kawalan pergerakan. Rata-rata informan bersetuju bahawa perintah kawalan pergerakan tempoh pandemik Covid-19 adalah operasi yang tidak dijangka. Majoriti informan memaklumkan bahawa, ‘memandangkan operasi yang dijalankan ini adalah operasi yang diluar jangkaan dan tidak pernah dilaksanakan dalam skala yang besar dan berlaku dalam keadaan yang tiba-tiba, pihak kami menghadapi pelbagai masalah’ (Informan 1). Kekangan dari aspek persiapan dan persediaan adalah penyebab kepada pelbagai cabaran dan halangan sewaktu menjalankan operasi kawalan pergerakan. Berikutan perkara ini, hasil analisis temubual menemukan lima tema utama cabaran pihak polis dan tentera dalam mendepani pandemik Covid-19 di Malaysia, termasuklah masalah yang berkaitan dengan logistik, beban tugas, sikap orang awam, masalah kesihatan dan kesejahteraan emosi, serta isu peribadi.

Cabaran pertama adalah berkaitan dengan masalah logistik. Mengambil contoh operasi sekatan jalan raya yang dikuatkuasa secara bersar-besaran di seluruh Malaysia, rata-rata informan bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah dari segi kekurangan kelengkapan peralatan seperti khemah, baju hujan, makanan dan lain-lain. Sesetengah informan menegaskan bahawa urusan penyediaan atau penggantian peralatan bagi keperluan operasi sekatan jalan raya harus diperakukan oleh pihak atasan, dan hal ini mengambil masa yang lama. Keadaan ini melambatkan lagi proses penyediaan peralatan yang diperlukan dan memberi kesan kepada pelaksanaan tugas. Informan menyatakan bahawa khemah menjadi keperluan utama bagi operasi sekatan jalan raya. Keperluan khemah ini adalah sebagai tempat perlindungan berikutan operasi sekatan jalan raya yang dilakukan dalam tempoh 24 jam dan jauh dari kawasan untuk berteduh. Namun, bantuan dari pihak Angkatan Tentera Malaysia dalam penyediaan khemah membantu pihak polis melaksana operasi kawalan pergerakan dengan berkesan. Informan turut memaklumkan kekangan pakaian perlindungan peribadi (PPE) pada awal pelaksanaan perintah kawalan pergerakan. Atas dasar keprihatian agensi-agensi tertentu, para petugas barisan hadapan PDRM yang mengawal dan memantau pergerakan orang awam menerima sumbangan bekalan PPE berupa pelitup muka, sarung tangan dan cecair pembasmi kuman. Sumbangan ini mengurangkan masalah keperluan perlindungan pada awal pelaksanaan perintah kawalan pergerakan.

Jadual 1: Tema dan contoh petikan cabaran ‘logistik’ dan ‘penugasan anggota’

Tema	Contoh petikan
Logistik	<p>‘Kami tidak ada khemah dan diburukkan lagi peralatan untuk SJR (sekatan jalan raya) juga banyak yang rosak. Kami juga kekurangan stok baju hujan untuk anggota yang bertugas. Ini sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap penugasan yang dijalankan oleh kami terutama bagi team SJR.’</p> <p style="text-align: right;">(Informan 1)</p> <p>‘Di mana kami menghadapi masalah keperluan peralatan untuk digunakan. Ini termasuk ketiadaan tempat untuk anggota berehat setelah habis bertugas. Dari segi makan dan minum pada ketika itu kami menggunakan khidmat Food Panda dan Grab Food. Ada juga anggota yang bawa bekal dari rumah. Sehingga hari yang ke tiga baru pihak JKM mengagihkan makanan kepada kami.’</p>

	(Informan 2)
Beban tugas	‘... tugas hakiki kami tetap berjalan seperti biasa. Sebagai pasukan Polis Tentera, kebanyakan pintu utama kem-kem tentera dikawal oleh anggota Polis Tentera. Jadi saya memanggil Pegawai Pemerintah unit-unit kecil saya untuk membuat perancangan dengan teliti agar, keperluan kerajaan dan tugas hakiki tidak terjejas.’
	(Informan 3)
	‘Antara cabaran lain yang dihadapi adalah untuk menjaga motivasi anggota yang bertugas. Terutamanya apabila kami terpaksa bertugas pada hari raya. Kami diaturgerak untuk bertugas dan menerima notis tugas tersebut dalam masa kurang sehari.’
	(Informan 4)

Tema kedua yang muncul adalah cabaran dari aspek beban tugas anggota. Sesetengah pegawai dan anggota menyatakan tanggungjawab mereka terhadap tugas hakiki di agensi selain dari tugas mengawal pergerakan orang awam dan pemantauan pelaksanaan prosedur operasi standard orang awam tempoh pandemik Covid-19. Bagi anggota tentera, sesetengah informan merasa sedikit terkesan atau terganggu dengan penugasan operasi kawalan pergerakan ini berikutan tugas hakiki tentera adalah untuk sentiasa bersedia melindungi negara daripada ancaman. Hal ini mungkin disebabkan bentuk latihan yang diterapkan berlainan dengan tugas am anggota dan pegawai polis yang diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan dan bantuan kepada orang awam serta memelihara ketenteraman awam. Motivasi turut memainkan peranan penting bukan sahaja kepada anggota tentera malah pihak polis yang menjalankan tugas sewaktu pandemik Covid-19. Rata-rata pegawai polis memaklumkan peranan mereka dalam usaha mengekalkan motivasi anggota bawahan. Motivasi menjalankan tugas boleh tergugat sekurang-kurangnya disebabkan oleh beberapa faktor seperti tekanan, beban tugas yang melampau, keadaan tempat kerja yang berisiko, pembayaran gaji atau elaun yang tidak setimpal dan kepimpinan pegawai yang lemah. Adalah sesuatu yang sangat mencabar untuk bagi seseorang pegawai untuk mengekalkan dan meningkatkan motivasi sejumlah anggota. Tambahan pula, sumber yang terhad di tempat kerja menyebabkan pegawai dan agensi gagal memenuhi kebajikan sosial anggota.

Jadual 2: Tema dan contoh petikan cabaran ‘sikap orang awam,’ ‘kesejahteraan emosi,’ dan ‘isu peribadi’

Tema	Contoh petikan
Sikap orang awam	‘... ramai orang awam yang ingkar dengan arahan yang telah dikeluarkan. Mereka ini keluar untuk meronda-ronda dan ada juga yang memberikan pelbagai alasan seperti kena bekerja, urusan ke klinik dan sebagainya. Tetapi apabila kita mohon dikemukakan sebarang surat akuan mereka gagal menunjukkannya.’
	(Informan 5)
	‘Di sini biasanya akan berlaku sedikit kekecohan di mana kami terpaksa untuk menerangkan dengan jelas dan terperinci berhubung kelulusan sesuatu permit kepada mereka yang kurang faham. Jumlah yang hadir untuk mendapatkan permit keluar kawasan pula bukan sedikit malah ada ketika satu hari mencapai sehingga 60 ke 70 orang.’
	(Informan 6)
Kesejahteraan emosi	‘Tekanan itu biasa dalam kerja. Tambah pula apabila sekarang ini Covid. Kami diarah untuk kawal pergerakan orang awam. Orang awam ramai yang tidak dengar cakap. Benda ini buat kami lebih tertekan. Itu yang kadang-kadang kami naik angin. Tapi nak buat macam mana, kalau kita berkeras akan menjadi satu kesalahan. Sekarang ini pula, semua benda boleh viral. Mahu tidak mahu, kami kena pandai kawal emosi.’
	(Informan 8)

‘Disamping itu juga cabaran yang kita hadapi seperti insiden dimaki, dibaling objek. Semua ni boleh menyebabkan kami hilang kawalan emosi dan mengambil tindakan-tindakan yang keterlaluan seperti menggunakan kekerasan dan sebagainya.’

(Informan 7)

Isu peribadi ‘... bagi saya adalah moral support. Ini penting kerana kita bertugas di kawasan yang berisiko tinggi sedangkan kita sendiri mempunyai keluarga di rumah yang menunggu kepulangan kita dalam keadaan selamat setiap hari.’

(Informan 9)

‘Kadang-kadang kita kerja balik tak dapat nak peluk anak-anak. Kadang-kadang sampai nangis anak nak minta dukung. Sebab takut kita ada Covid. Tugas kita diluar untuk memantau. Tidak pasti dengan siapa and apa benda kita sentuh. Makan minum dekat luar lebih baik. Kalau balik rumah terus mandi dan tidur. Walau tengah bertugas, teringat keluarga di rumah.’

(Informan 10)

Tema atau cabaran seterusnya adalah terkait dengan sikap orang awam. Sikap orang awam yang ingkar perintah kawalan pergerakan dan tidak mematuhi prosedur operasi standard merupakan satu cabaran besar buat anggota polis dan tentera menjalankan tugas. Kedegilan orang awam yang tidak bertanggungjawab sehingga sanggup menipu pihak berkuasa demi kepentingan diri sendiri (e.g merentas negeri tanpa kebenaran, membuka perniagaan tanpa kebenaran, melaksana majlis tanpa mengikut prosedur operasi standard) telah menghalang pihak polis melaksanakan tugas. Perkara ini memberi kesan kepada keseluruhan imej pasukan dan agensi. Pegawai dan anggota polis dilihat sebagai tidak menjalankan tanggungjawab dengan telus dan menyebabkan ketelusan pihak polis dipersoal. Hal ini merupakan cabaran besar dan boleh memberi kesan kepada kesejahteraan emosi pegawai dan anggota polis. Terkait dengan perkara ini, tema seterusnya adalah cabaran mengekalkan kesejahteraan emosi.

Pegawai dan anggota polis serta tentera terdedah kepada risiko tekanan dan masalah kawalan emosi. Sesetengah anggota menyatakan kesukaran mengawal emosi terutamanya dalam situasi yang tegang. Informan turut berkongsi bahawa situasi tegang ini termasuklah keadaan fizikal tempat kerja yang tidak selesa, kerisauan dijangkiti Covid-19, sikap orang awam dan kerisauan terhadap ahli keluarga. Segelintir informan turut memaklumkan masalah kepimpinan pegawai dan sikap rakan sekerja yang tidak membantu juga meningkatkan risiko tekanan, justeru memberi kesan kepada kesejahteraan emosi. Emosi yang tidak stabil bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan masalah prestasi kerja dan motivasi dalam melaksanakan tugas, malah risiko kemurungan dan pelbagai masalah kesihatan mental lain. Namun, sokongan keluarga yang positif dapat mengekang kesan-kesan negatif tersebut, sekaligus meningkatkan kesejahteraan emosi di tempat kerja (Chan, Kalliath, Chan, & Kalliath, 2020). Terkait dengan perkara ini, cabaran kelima yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah isu peribadi. Isu peribadi ini merujuk kepada komitmen anggota terhadap keluarga. Rata-rata informan secara peribadi berkongsi bahawa tugas mendepani Covid-19 ini sangat memberi kesan kepada tempoh masa yang dihabiskan bersama ahli keluarga. Masa yang diperuntukkan untuk menjalankan tugas dan risiko dijangkiti wabak Covid-19 menyebabkan segelintir pegawai dan anggota tidak balik ke rumah dan terpaksa menjauhkan diri daripada ahli keluarga buat sementara waktu. Keadaan ini memberi kesan emosi dan mungkin menjejaskan hubungan dengan ahli keluarga. Segelintir anggota merasakan perkara ini sebagai cabaran yang berkemungkinan memberi kesan negatif dalam kehidupan mereka.

PERBINCANGAN

Kajian ini menemukan lima cabaran utama yang dihadapi oleh anggota polis dan tentera menguatkuasa perintah kawalan pergerakan dan pematuhan prosedur operasi standard dalam mendepani pandemik Covid-19 di Malaysia. Lima cabaran tersebut adalah kekangan logistik, beban tugas, sikap orang awam, masalah kesejahteraan emosi dan isu peribadi. Cabaran-cabaran ini selari dengan dapatan kajian lepas. Kekangan logistik terkait dengan keperluan fizikal atau kemudahan sewaktu pihak berkuasa menjalankan tugas. Dalam tempoh darurat ini, kekangan sumber dan kemudahan fizikal akan menyukarkan lagi kelancaran tugas atau operasi pihak berkuasa (Laufs & Waseem, 2020). Dalam konteks dapatan kajian ini, beban tugas boleh merujuk kepada peranan atau tugas pegawai dan anggota yang pelbagai sewaktu tempoh pandemik. Dalam tempoh pandemik, disamping menjalankan tugas menguatkuasa perintah kawalan pergerakan, pegawai dan anggota polis terutamanya turut menjalankan tugas hakiki iaitu menangani jenayah dan mengawal keselamatan awam (Mohler et al., 2020; Walton & Falkner, 2020). Cabaran seterusnya adalah sikap orang awam. Sikap orang awam boleh menyebabkan hubungan diantara orang awam dan pihak polis sedikit terjejas. Sarjana menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa hubungan polis-komuniti sedikit terjejas berikutan sekatan-sekatan yang dikenakan sepanjang tempoh pandemik (Stogner et al., 2020). Situasi ini menyumbang kepada perubahan sikap anggota polis dan tentera yang mungkin bertindak tidak wajar seperti menggunakan kekerasan (Stogner et al., 2020; Mayshak et al., 2020). Perubahan sikap boleh berlaku apabila anggota polis dan tentera gagal untuk mengawal emosi dan ini merupakan cabaran besar bagi pegawai dan anggota yang menjalankan tugas tempoh pandemik. Namun, sarjana membuktikan bahawa segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab seperti menghalang pihak berkuasa menjalankan tugas telah memberi kesan negatif keatas kestabilan emosi dan kesejahteraan pegawai polis dan tentera (Tuttle et al., 2019). Kajian ini turut menekankan isu peribadi yang terkait dengan hubungan kekeluargaan sebagai cabaran kelima. Kajian terdahulu menyokong dapatan ini dengan menekankan kepentingan sokongan sosial daripada ahli keluarga dalam tempoh darurat (Chan et al., 2020; Griffin & Sun, 2018).

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa agensi penguatkuasaan memainkan peranan penting dalam mengawal cabaran atau halangan yang mungkin timbul sewaktu pegawai dan anggota menjalankan tugas mendepani pandemic Covid-19. Pegawai polis memerlukan sokongan daripada agensi untuk melaksana tugas dengan efektif. Sokongan agensi dapat menyediakan sumber dan peruntukan yang mencukupi semasa tempoh krisis, dan hal ini membolehkan pegawai mengatasi cabaran kekangan logistik dengan lebih baik disamping mengekalkan kepuasan kerja. Sokongan ini perlu disalurkan melalui kepimpinan berkesan. Kepemimpinan polis sangat penting ketika merancang untuk melindungi kesihatan mental dan kesejahteraan anggota, justeru membentuk satu pasukan yang baik dan kepuasan kerja yang tinggi (Santa Maria et al., 2019). Dalam hal ini, agensi penguatkuasaan harus merancang struktur dan dasar sokongan sosial untuk pegawai dan anggota polis dalam realiti operasi mereka. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan kepentingan agensi untuk mewujudkan budaya organisasi, dengan sokongan sosial dalaman, dan sokongan fizikal (seperti bantuan kewangan dan kemudahan) bagi mengurangkan tekanan dalam kalangan anggota terutamanya sewaktu bertugas dalam tempoh pandemik. Sokongan juga boleh berbentuk pendidikan, yang mana agensi boleh mendidik pegawai dan anggota tentang pandemik yang dihadapi, dan mendedahkan kepada mereka kaedah terbaik untuk berhadapan dengan orang awam.

Kajian ini turut menekankan kepentingan kolaborasi dalam usaha meningkatkan keberkesanan menguatkuasa pemerintah kawalan pergerakan tempoh pandemik. Walaupun kajian lebih memfokus kepada anggota dan pegawai polis, namun kajian turut mengambilkira cabaran anggota tentera bersama-sama pihak polis mendepani pandemik Covid-19. Kajian ini mendapati bahawa pihak polis dan tentera saling menyokong antara satu sama lain, terutamanya dari aspek penyediaan keperluan logistic. Solidariti yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak ini menyumbang kepada peningkatan strategi daya tindak positif, sekaligus meningkatkan kepuasan pegawai dan anggota polis dalam menjalankan tugas. Kajian terdahulu membuktikan bahawa kolaborasi antara agensi mampu memaksimumkan kejayaan satu-satu operasi dalam seting penguatkuasaan (Albrecht, den Heyer & Tobin, 2020). Komunikasi dan kepercayaan merupakan elemen penting kolaborasi positif. Namun, komunikasi yang lemah dan kurangnya kepercayaan antara organisasi hanya menghalang kerjasama yang diperlukan antara agensi (Laufs, & Waseem, 2020). Dalam tempoh pandemik Covid-19, pihak polis dan tentera harus mengenal pasti kekurangan dalam kerjasama serta peluang untuk latihan bersama dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan untuk menghadapi tempoh darurat atau bencana pada masa hadapan. Pihak polis harus berusaha secara aktif untuk mewujudkan jaringan sosial, terutama dengan agensi penguatkuasaan lain dan agensi kesihatan awam bagi memudahkan perkongsian dan pertukaran maklumat.

Akhir sekali, kajian menekankan kepentingan hubungan polis-komuniti. Dalam tempoh pandemik, hubungan polis-komuniti boleh terjejas disebabkan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak polis mengawal pergerakan. Adalah menjadi kepentingan pihak polis untuk mengekalkan hubungan positif dengan komuniti dan meningkatkan semula kepercayaan masyarakat. Demikian, pihak polis harus merancang strategi dengan menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat tentang tanggungjawab polis dan tentera sebagai barisan hadapan dalam memastikan kesihatan dan keselamatan orang awam (Laufs, & Waseem, 2020). Pandemik Covid-19 merupakan bencana baru yang belum pernah terjadi. Maka, masih banyak kajian saintifik perlu dilaksanakan dan dari pelbagai sudut. Kajian saintifik seumpama ini membantu menambahbaik polisi dan perancangan agensi penguatkuasaan dalam mendepani pandemik dengan lebih berkesan..

KESIMPULAN

Kajian ini mengenalpasti lima cabaran utama pihak polis dan tentera mendepani wabak Covid-19. Kajian ini merupakan kajian pertama yang memfokus kepada peranan pegawai dan anggota polis dan tentera sebagai barisan hadapan mengawal penularan pandemik Covid-19 di Malaysia. Maka, keaslian kajian ini adalah lima cabaran utama yang dikenalpasti menerusi hasil analisis temubual mendalam. Walaubagaimanapun, kajian ini mempunyai limitasi. Pertama, limitasi kajian terkait dengan saiz sampel. Kajian telah menemubual 10 informan, termasuk lima pegawai dan anggota polis dan lima pegawai dan anggota tentera. Jumlah sampel yang kecil ini kemungkinan mengehadkan tema cabaran yang dikenalpasti menerusi kajian ini. Kajian akan datang perlu mempertimbang untuk menggunakan jumlah sampel yang lebih besar. Kedua, limitasi kajian terkait dengan penerokaan cabaran isu kesihatan psikologi. Kesihatan psikologi memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi kerja dan motivasi menjalankan tugas bagi individu. Kajian ini mengenalpasti isu emosi sebagai salah satu cabaran dalam kalangan pegawai dan anggota. Namun penerokaan isu tersebut tidak mendalam. Kajian akan datang disaran untuk memberi fokus kepada cabaran isu kesihatan psikologi pegawai polis dan tentera. Ketiga, limitasi kajian terkait dengan lokasi kajian yang

hanya tertumpu di kawasan lembah Klang, justeru kajian akan datang perlu memperluas skop kajian ke negeri atau daerah lain yang turut terjejas akibat pandemik Covid-19. Kajian ini turut mencadangkan kepada penyelidikan akan datang untuk memberi fokus kepada topik-topik yang lebih spesifik seperti peranan polis wanita dalam mendepani Covid-19, pengaruh pandemik terhadap keganasan dalam kalangan pegawai dan anggota polis, masalah integriti pihak berkuasa tempoh pandemik dan cabaran melakukan siasatan dalam tempoh pandemik.

PERAKUAN

Kajian ini tidak ada konflik kepentingan daripada dan untuk mana-mana pihak.

RUJUKAN

- Adams, T., Anderson, L., Turner, M., & Armstrong, J. (2011). Coping through a disaster: Lessons from Hurricane Katrina. *Journal of Homeland Security and Emergency Management*, 8, 1-15.
- Albrecht, J., den Heyer, G., & Tobin, T. (2020). Enhancing police services in the United States through public and interagency collaboration. In J. Albrecht & G. den Heyer (Eds.), *Enhancing Police Service Delivery* (pp. 109-124). Switzerland: Springer.
- Atalan, A. (2020). Is the lockdown important to prevent the COVID-19 pandemic? Effects on psychology, environment and economy-perspective. *Annals of Medicine and Surgery*, 56, 38-42.
- Chan, X. W., Kalliath, P., Chan, C., & Kalliath, T. (2020). How does family support facilitate job satisfaction? Investigating the chain mediating effects of work-family enrichment and job-related well-being. *Stress and Health*, 36, 97-104.
- Dai, M., Xia, Y., & Han, R. (2021). The impact of lockdown on police service calls during the COVID-19 pandemic in China. *Policing: A Journal of Policy and Practice*. Doi: 10.1093/polic/paab007
- Griffin, J. D. & Sun, I. Y. (2018). Do work-family conflict and resiliency mediate police stress and burnout: A study of state police officers. *American Journal of Criminal Justice*, 43, 354-370.
- Jones, D. J. (2020). The potential impacts of pandemic policing on police legitimacy: planning past the COVID-19 crisis. *Policing: A Journal of Policy and Practice*, 14, 579-586
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Situasi terkini Covid-19 di Malaysia 28 April 2021. Diakses daripada, <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>.
- Laufs, J., & Waseem, Z. (2020). Policing in pandemics: A systematic review and best practices for police response to COVID-19. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 51, 101812.
- Luna, A. M., Brito, C. S., & Sanberg, E. A. (2007). Police planning for an influenza pandemic: Case studies and recommendations from the field. *Police Executive Research Forum*. Bureau of Justice Assistance U.S. Department of Justice.
- Mayshak, R., Curtis, A., Coomber, K., Tonner, L., Walker, A., Hyder, S., ... & Miller, P. (2020). Alcohol-involved family and domestic violence reported to police in Australia. *Journal of Interpersonal Violence*. Doi: 10.1177/0886260520928633.

- Malaysia. (1988). Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Undang-Undang Malaysia.
- Mohler, G., Bertozzi, A. L., Carter, J., Short, M. B., Sledge, D., Tita, G. E., ... & Brantingham, P. J. (2020). Impact of social distancing during COVID-19 pandemic on crime in Los Angeles and Indianapolis. *Journal of Criminal Justice*, 68, 1-13.
- Santa Maria, A., Wolter, C., Gusy, B., Kleiber, D., & Renneberg, B. (2019). The impact of health-oriented leadership on police officers' physical health, burnout, depression and well-being. *Policing: A Journal of Policy and Practice*, 13, 186-200.
- Stogner, J., Miller, B. L., & McLean, K. (2020). Police stress, mental health, and resiliency during the COVID-19 pandemic. *American journal of criminal justice*, 45, 718-730.
- Tuttle, B. M., Blumberg, D. M., & Papazoglou, K. (2019). Critical challenges to police officer wellness. In Oxford Research Encyclopedia of Criminology and Criminal Justice. Doi: 10.1093/acrefore/9780190264079.013.538
- Verma, B. K., Verma, M., Verma, V. K., Abdullah, R. B., Nath, D. C., Khan, H. T., ... & Verma, V. (2020). Global lockdown: An effective safeguard in responding to the threat of COVID-19. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 26, 1592-1598.
- Walton R. & Falkner S. (2020). The Challenges of Maintaining Law and Order during the Coronavirus Response. Diakses daripada, <https://policyexchange.org.uk/wp-content/uploads/Policing-a-Pandemic.pdf>
- World Health Organization. (2021). WHO Coronavirus (COVID-19) dashboard. Diakses daripada, <https://covid19.who.int/>.

MAKLUMAT PENULIS

NAZIRAH HASSAN

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
nazirah@ukm.edu.my

SYAHREZAHELMY MOHD RAZALI

Angkatan Tentera Malaysia
semerahsehitam@gmail.com

MOHD SUHAIMI MOHAMAD (Pengarang Koresponden)

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
msuhaimi@ukm.edu.my